


PELAN INDUK PENGANGKUTAN DARAT



Landskap pengangkutan Singapura telah banyak berubah sejak kali terakhir kami berkongsi Pelan Induk Pengangkutan Darat dengan anda pada 2013.

Demi memenuhi keperluan rakyat Singapura yang semakin meningkat, kami telah meneliti bagaimana kami dapat membentuk masa depan sistem pengangkutan darat kita.

Apakah rupa pengangkutan darat yang anda inginkan pada 2040? Lebih daripada 7,400 orang telah berkongsi pandangan dan aspirasi mereka melalui inisiatif penglibatan awam kami. Bagi kebanyakan daripada anda, jawapannya terletak pada pilihan yang mudah dan selamat untuk Berjalan Kaki, Berbasikal dan Menaiki Pengangkutan Awam (*Walk, Cycle and Ride*) kerana ini adalah cara yang lebih cekap dan mampan bagi perjalanan.



Cara Pergerakkan yang Aktif

Anda akan dapat melangkah jarak pendek mudah dengan berjalan kaki, berbasikal atau menggunakan alat mobiliti peribadi seperti skuter elektrik.

Berkongsi & Menggunakan Pengangkutan Bagi Orang Ramai

Untuk perjalanan yang lebih jauh, anda boleh menggunakan pengangkutan awam seperti bas dan kereta api dan pengangkutan secara berkongsi seperti teksi, kereta sewa privet dan perkongsian kereta.

Pelan Induk Pengangkutan Darat (LTMP) 2040 membayangkan sistem pengangkutan darat yang mudah, mempunyai hubungan yang baik dan pantas. Ia juga dicirikan dengan pengalaman penumpang yang baik dan inklusif, dan menyumbang kepada perjalanan yang sihat dan selamat bagi semua.



Dengan berjalan kaki, berbasikal atau menaiki pengangkutan awam, anda boleh:

20 minit ke Pusat Kejiranan

Sampai ke pusat kejiranan dari rumah anda dalam masa 20 minit, di mana terdapat kedai-kedai, tempat-tempat makan, taman dan klinik.



45 minit ke Bandar

Mengambil masa 45 minit atau kurang untuk melengkapkan perjalanan anda semasa waktu sibuk, termasuk perjalanan antara rumah dan tempat kerja anda. Masa perjalanan akan dikurangkan dengan adanya peningkatan pengangkutan awam dan pusat serantau yang baru yang akan membawa tempat pekerjaan lebih dekat kepada anda.



Anda boleh mengalau-alukan inisiatif ini yang akan menjadikan perjalanan lebih cepat, mudah dan boleh dipercayai apabila kami berusaha mencapai matlamat berikut:



- Laluan Downtown dan Thomson-East Coast akan dilanjutkan menjelang 2040.
- Dua stesen baru - Brickland dan Sungei Kadut akan ditambah kepada Laluan Utara-Selatan, oleh itu penumpang boleh menikmati akses yang lebih mudah ke rangkaian rel.
- Kami juga akan mengkaji sama ada laluan rel yang baru di kawasan utara dan timur utara Singapura boleh dilaksanakan.

Keutamaan bagi bas

Kami akan melaksanakan lebih banyak Koridor Keutamaan bagi Transit (TPCs) yang akan membolehkan bas bergerak dengan lebih cepat. TPC ini akan mempunyai ciri-ciri seperti lorong bas, laluan bas dan untuk bas memblok sahaja dan keutamaan isyarat untuk bas supaya perjalanan anda akan lebih cepat dan lancar.

KEUTAMAAN BAGI BAS




Perkhidmatan autonomi, atas permintaan

Nikmati fleksibiliti laluan bas atas permintaan yang membolehkan anda naik dan turun di sebarang perhentian bas.



Lebih banyak Hab Pengangkutan Bersepadu

Kami sedang membina lebih banyak Hab Pengangkutan Bersepadu (ITH) untuk menjadikan perjalanan anda lebih mudah dan selesa. Anda boleh menjalankan tugas anda atau bertemu rakan-rakan anda dengan lebih mudah sepanjang perjalanan anda dan meneruskan perjalanan dengan menaiki bas atau kereta api.



Lebih banyak laluan basikal

Kami sedang membina kira-kira 700km laluan basikal menjelang 2030 dan akan terus memperluaskan rangkaian laluan basikal menjangkau 2030. Lebih banyak tempat letak basikal juga sedang dirancang.



Lebih banyak ITH menjelang 2040, termasuk:

📍 Bidadari

📍 Pasir Ris

📍 Buangkok

📍 Tampines North

📍 Punggol North

📍 Tengah

dan banyak lagi...!

Pengangkutan untuk Semua



Inisiatif-inisiatif ini juga akan menjadikan sistem pengangkutan darat lebih inklusif dan boleh digunakan oleh semua:



Bantuan bagi yang memerlukan

- Penumpang sedar bahawa sikap murah hati dan penyayang boleh menjadikan pengalaman perjalanan yang lebih baik untuk semua.
- Inisiatif seperti tempat beratur keutamaan akan dilancarkan secara berperingkat di stesen MRT menjelang 2019 dan di pusat pertukaran bas dan ITH menjelang 2021.
- Kami juga akan merintis ruang kabin keutamaan di salah satu laluan MRT kami menjelang 2020.

Memenuhi berkeperluan khas

- Lebih banyak latihan akan diberikan kepada kakitangan pengangkutan awam untuk memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan.
- Kami juga sedang menguji teknologi baru seperti aplikasi mudah alih MAVIS (Sistem Pengesahan dan Pengenalan Automatik Bergerak) yang mempunyai amaran audio bagi membantu mereka yang berkeperluan khas untuk naik dan turun bas.

MAVIS APP



Meningkatkan akses bebas penghadang

Lebih banyak tempat untuk berehat

Tempat duduk yang mesra warga emas akan dipasang pada kelompok yang pertama sebanyak 2,300 perhentian bas di seluruh Singapura menjelang 2021.

TEMPAT DUDUK YANG MESRA WARGA EMAS



Lebih banyak kemudahan yang boleh diakses bagi yang berkerusi roda

- Menjelang 2020, semua perhentian bas akan menjadi bebas penghadang. Sebahagian daripada perhentian bas akan mempunyai ciri-ciri seperti tanjakan untuk memudahkan mereka yang menghadapi masalah menggunakan anak tangga.
- Semua bas awam boleh dinaiki oleh mereka yang berkerusi roda dan mempunyai penahanan kereta sorong bagi mereka yang mempunyai anak kecil.
- Pengendali teksi dan kereta sewa privat juga akan digalakkan memiliki kendaraan yang boleh dinaiki mereka yang berkerusi roda.



Lebih mudah akses ke jambatan pejalan kaki

Menjelang 2022, lif akan dipasang pada 29 jambatan pejalan kaki.



Kehidupan yang Sihat, Perjalanan yang Lebih Selamat

Sistem pengangkutan darat yang lebih baik dapat mewujudkan persekitaran yang lebih selamat, sihat dan mudah didiami, dipenuhi dengan ruang komuniti yang bertenaga.



Armada kereta tenaga yang bersih

Bas awam, taxi dan kereta sewa privat akan menggunakan tenaga bersih menjelang 2040 untuk membantu alam sekitar.

TENAGA BERSIH



Teknologi baru untuk keselamatan

Teknologi baru seperti sistem amaran perlanggaran pada bas baru akan dimanfaatkan untuk memastikan anda lebih selamat.





Lebih banyak jalan dikhususkan untuk ruang komuniti yang rancak

Akan ada lebih banyak jalan raya yang ditukar secara tetap menjadi laluan bagi mereka yang ingin meneroka dengan berjalan kaki dan berbasikal seperti di Armenian Street menjelang 2019 dan di Market Street menjelang 2021.



Lebih banyak tempat laluan berbunga

Laluan tambahan sepanjang 150km akan dibina menjelang 2040 untuk perjalanan yang selesa hingga ke depan pintu rumah anda.



Keselesaan berjalan kaki dan berbasikal

Dengan laluan pejalan kaki yang lebih luas, laluan basikal dan lebih banyak kemudahan (seperti bilik mandi, loker dan stesen pengeringan), anda boleh pulang ke rumah – atau di mana sahaja anda ingin pergi – dengan selamat, selesa dan sihat.

Paras bunyi bising yang lebih rendah

Dengan penambahan penghadang bunyi bising di sepanjang laluan landasan kereta api bertingkat dan beberapa jalanraya, kita akan menikmati persekitaran yang lebih nyaman.

Apabila kami berusaha ke arah visi LTMP 2040, anda akan mendapati lebih mudah untuk Berjalan Kaki, Berbasikal dan Menaiki Pengangkutan Awam (*Walk, Cycle and Ride*) ke destinasi anda.

Terima kasih kerana bersama kami dalam perjalanan ini. Kami teruja dengan rancangan untuk menjadikan pengangkutan darat kami lebih baik dan harap anda juga!

Sila lungsuri laman sesawang
www.lta.gov.sg/ltmp2040 atau imbas
kod QR ini ini untuk membaca laporan penuh:

